



NAJIB TUN RAZAK tiba untuk sebutan semula kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/
FARID JANUDIN

Kes Najib, Arul Kanda dibicara bersama

um-5/1/2019
m/s: 8

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Kes melibatkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy berhubung kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan dibicarakan bersama.

Hakim Mahkamah Sesyen, Azura Alwi memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan yang dibuat oleh bekas Hakim Mahkamah Persekutuan yang dilantik menjadi Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram ketika sebutan kes berkenaan hari ini.

Pertuduhan terhadap Arul Kanda, 42, dibacakan semula dan tertuduh mengekalkan pengakuan tidak bersalahnya.

Dalam pada itu, Sri Ram memaklumkan, permohonan memindahkan kes itu ke Mahkamah Tinggi akan dibuat.

Azura menetapkan 1 Mac ini untuk sebutan kes selanjutnya.

Pada 12 Disember lalu, Najib mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menggunakan kedudukannya bagi mendapatkan perlindungan daripada dikenakan tindakan tatatertib berhubung pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB.

Mengikut pertuduhan, Najib, 66, didakwa menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri mengarahkan agar laporan itu yang sedang disediakan dipinda sebelum dimuktamadkan dan dibentang kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC) bagi melindungi diri daripada dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berhubung syarikat pelaburan itu.

Pertuduhan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.